

→ ARTIFAK

[FOTO SURIANIE MOHD HANIF/BH]

Galeri warisan Melayu zaman Langkasuka



Idris (dua dari kiri) diiringi Norhaiza melihat keris yang dipamerkan pada majlis pelancaran buku Jejak Langkasuka dan Pameran Langkasuka di Petaling Jaya, semalam.

Oleh Wan Noor Hayati Wan Alias dan Fahmy Azril Rosli
bhnews@bh.com.my

► **Petaling Jaya**

Sebuah pusat beli belah yang diubah suai menjadi galeri seni bertemakan Kerajaan Langkasuka mula dibuka untuk orang awam, semalam sehingga 17 September.

Pameran sulung ini mengetengahkan lebih 200 artifak termasuk manuskrip lama berkaitan dunia Melayu daripada koleksi peribadi serta

Muzium Warisan Melayu Universiti Putra Malaysia (UPM).

Antara yang menarik, sebuah pintu gerbang ukiran kayu motif floral dibawa khas dari Terengganu milik adi guru ukiran, Norhaiza Noordin yang akan dilelong bermula RM250,000.

Tatapan generasi muda

Pemilik galeri, Zulkifli Hamzah berkata, objektif utama galeri ini dibuka bertujuan mempamerkan pelbagai artifak lama untuk masyarakat khususnya generasi muda.

Katanya, ia bagi membuktikan ba-

Info

Antara menarik

→ **Lukisan** paling lama dihasilkan pada tahun 1744

→ **Teknologi** penapis air dicipta pada kurun ke-18

hawa dunia Melayu memiliki keunikan dan keistimewaan tersendiri yang harus dipelajari serta dipelihara sepanjang zaman.

“Penemuan sejarah menunjukkan Melayu dari Kerajaan Langkasuka dan zaman selepas itu sudah mempunyai pelbagai teknologi canggih dengan pemikiran yang hebat ketika itu,” katanya selepas majlis pelancaran buku dan Galeri Jejak Langkasuka di Oasis Village, Ara Damansara, di sini, semalam.

Majlis itu dirasmikan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh.

→ Lebih 200 artifak termasuk manuskrip lama koleksi peribadi serta Muzium Warisan Melayu UPM dipamerkan